



**PENYATA JAWATANKUASA
PILIHAN KHAS MENGENAI
PEMBASMIAN KEMISKINAN
(JPK-PEMBASMIAN
KEMISKINAN) BAGI DEWAN
NEGERI SELANGOR
BERKENAAN PENGURANGAN
(DISKAUN) CUKAI TAKSIRAN
OLEH PIHAK BERKUASA
TEMPATAN**

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PENGURANGAN (DISKAUN) CUKAI TAKSIRAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2014 pada 16-20 Jun dan 23-27 Jun 2014.

2. PROGRAM TUMPUAN JAWATANKUASA

JPK-Pembasmian Kemiskinan yang ditubuhkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi meneliti keberkesanan dasar dan program-program pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri secara fokus memilih dua program yang sedang dalam pelaksanaan iaitu dasar Pengurangan (Diskaun) Kadar Cukai Taksiran Kepada Pemilik Petak Pangaspuri Kos Rendah dan Skim *Selangor Free Water Apartment* (SAFWA). Kedua-dua program ini adalah di bawah Program Merakyatkan Ekonomi Selangor dengan tumpuan “Hasil Negeri Untuk Rakyat”.

3. PENDENGARAN TERTUTUP

JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan pendengaran tertutup pada 28 Mei 2014 (Rabu) bagi mendengar taklimat mengenai dasar Pengurangan (Diskaun) Kadar Cukai Taksiran Kepada Pemilik Petak Pangaspuri Kos Rendah .

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 3. Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |

Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dijemput adalah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Klang (MPK), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSp). Semua jabatan PBT yang dijemput hadir untuk memberi keterangan di bawah sumpah kecuali MPBJ.

4. LATARBELAKANG

Pekeling hebahan mengenai pelaksanaan dasar Pengurangan (Diskaun) Cukai Taksiran Kepada Pemilik Pangsapuri Kos Rendah bertujuan untuk melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Ke 28/2012 pada 1 Ogos 2012.

5. FAKTA

1. Tafsiran pangsapuri kos rendah adalah pangsapuri yang harga belian daripada pemaju adalah RM 42 ribu dan ke bawah.
2. Kadar diskauan adalah seragam iaitu 25% bagi pangsapuri kos rendah di semua kawasan PBT negeri Selangor.
3. Pemberian diskauan kadar cukai taksiran untuk pangsapuri kos rendah ini tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan seperti berikut:
 - i) Pemilik yang bermastautin atau mendiami sendiri petak/unit di sesbuah pangsapuri kos rendah.
 - ii) Hakmilik strata ataupun surat perjanjian jual beli hendaklah dikemukakan sebagai bukti dokumen pemilikan rumah untuk mendapat perakuan sah permastautin daripada mana-mana Pihak Berkuasa seperti Badan Pengurusan Bersama, Perbadanan Pengurusan, Pesuruhjaya Bangunan atau Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan.
 - iii) Pemilik tidak mempunyai tunggakan cukai taksiran pada petak berkaitan.
 - iv) Waris pemilik juga layak mendapat pengurangan diskauan (sama ada pemilk masih hidup atau telah meninggal dunia)

4. Pemberian diskaun akan diberikan secara terus (automatik) apabila pemilik membuat bayaran di kaunter PBT berserta Borang Perakuan Permastautin Pemilik (BPPP 1/2012).
5. Borang BPPP 1/2012 boleh dimuat turun daripada portal Selangorku atau diperolehi daripada Unit Pesuruhjaya Bangunan, PBT.
6. Bagi pemilik yang telah membayar cukai taksiran pada tahun tersebut sepenuhnya, pemberian diskaun akan dibawa ke penggal pertama tahun seterusnya.

6. PERAKUAN PBT

1. Pemberian diskaun 25% cukai taksiran untuk Kediaman Pangsapuri Kos Rendah telah diberikan mulai penggal kedua cukai taksiran tahun 2012; bulan Julai sehingga Disember (Keputusan MMKN 28/2012).
2. Syarat kelayakan yang ditetapkan bagi membolehkan pemilik pangsapuri kos rendah membuat tuntutan pengurangan cukai tersebut adalah berdasarkan Pekeliling Hebahan mengenai pelaksanaan dasar Pengurangan (Diskaun) Cukai Taksiran Kepada Pemilik Pangsapuri Kos Rendah.
3. Jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan semakin berkurang daripada tahun 2012 hingga tahun 2014.
4. Secara keseluruhan, jumlah permohonan yang diluluskan hanya 1% daripada jumlah pemilik kediaman pangsapuri kos rendah yang layak menerima pengurangan cukai taksiran 25%.

7. PENEMUAN JAWATANKUASA

1. Sambutan terhadap Skim Pemberian Diskaun 25% Cukai Taksiran kurang memuaskan kerana tidak ramai pemilik yang membuat permohonan.
2. Faktor utama skim ini kurang mendapat sambutan adalah kerana 30% yang menduduki unit-unit pangsapuri tersebut adalah penyewa dan sebahagian pemilik mempunyai tunggakan cukai taksiran.

3. Kebanyakan pemilik mempunyai tunggakan cukai taksiran merasakan pemberian diskaun 25% adalah terlalu kecil berbanding dengan amaun yang perlu mereka lunaskan bagi melayakkan mereka menyertai skim ini.
4. Sebahagian daripada pemilik kediaman pangsapuri kos rendah tidak mampu menjelaskan tunggakan cukai taksiran kerana terpaksa membelanjakan sebahagian besar daripada pendapatan mereka menjelaskan caj penyelenggaraan bangunan yang dikenakan oleh Badan Pengurusan Bersama.
5. Permohonan pengurangan 25% cukai taksiran perlu diserahkan setiap 6 bulan. Kadang-kala proses meluluskan permohonan tersebut mengambil tempoh yang lama.

8. SARANAN JAWATANKUASA

1. Menilai dan mengkaji semula keberkesanan program ini dalam konteks pembasmian kemiskinan rakyat yang menduduki pangsapuri kos rendah.
2. Menawarkan bayaran sebulan yuran selenggaraan kepada pemilik yang memohon menyertai skim diskaun 25% cukai taksiran ini.
3. Kerajaan Negeri perlu menetapkan pengurangan cukai taksiran kepada setahun sekali serta mempercepatkan kelulusan permohonan tersebut kepada satu minggu.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Ahli) dan Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan di mesyuarat Jawatankuasa pada 28 Mei 2014.

Disahkan oleh:



YB Tuan Haji Saari bin Sungib

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan
(JPK-Pembasmian Kemiskinan)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- | | | |
|------|---|-----------|
| i) | Y.B.Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii) | Y.B Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| iii) | Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| iv) | Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| v) | Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |
| vi) | Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad
(ADN Kawasan Seri Setia) | Ahli |
| vii) | Y.B. Tuan Razaly bin Hassan
(ADN Kawasan Dusun Tua) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- vi) Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

